



Duti Setem dan Anda Dokumen Sah, Hak Terpelihara

Dalam landskap kehidupan kampus pada hari ini, pelajar semakin terdedah kepada pelbagai urusan rasmi yang melibatkan dokumen bertulis, sama ada berkaitan dengan pengajian, kediaman, latihan industri mahupun permulaan kerjaya. Namun begitu, aspek pematuhan undang-undang khususnya berkaitan dengan bayaran duti setem sering dipandang ringan, sedangkan perkara ini merupakan elemen penting untuk menentukan kesahan sesuatu dokumen.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) menegaskan bahawa bayaran duti setem bukan sekadar keperluan pentadbiran, sebaliknya satu kewajipan undang-undang. Kegagalan melunaskan duti setem boleh menyebabkan dokumen berkenaan tidak diterima dalam urusan rasmi atau tidak mempunyai kekuatan sebagai bukti sekiranya berlaku pertikaian pada masa hadapan.

Duti setem dikenakan ke atas surat cara, iaitu dokumen bertulis yang mempunyai implikasi perundangan, komersial atau kewangan. Dalam konteks pelajar dan warga kampus, surat cara ini merangkumi perjanjian sewaan rumah atau bilik, surat tawaran pekerjaan atau latihan industri, serta dokumen pinjaman atau pembiayaan. Penting untuk anda fahami bahawa duti setem dikenakan ke atas dokumen itu sendiri, bukan ke atas transaksi yang berlaku.

Tanpa penyeteman yang sah, sesuatu dokumen boleh dianggap tidak lengkap dari sudut perundangan. Situasi ini berpotensi menjejaskan hak dan kepentingan pihak terlibat, khususnya apabila timbul isu atau pertikaian yang memerlukan rujukan kepada dokumen tersebut.

Kesedaran awal terhadap kepentingan duti setem mampu membentuk generasi pelajar yang lebih bertanggungjawab, berpengetahuan dan peka terhadap keperluan pematuhan undang-undang untuk mengurus urusan rasmi.

Seiring dengan agenda pendigitalan perkhidmatan awam, HASiL telah memperkenalkan Stamp Assessment and Payment System (STAMPS) bagi memudahkan proses taksiran dan pembayaran duti setem secara dalam talian. Inisiatif ini bukan sahaja mempercepat urusan penyeteman, malah meningkatkan kecekapan serta ketelusan dalam pematuhan.

Pembayaran duti setem boleh dibuat melalui kaedah Finance Process Exchange (FPX) dan Virtual Account (VA) atau Nombor Akaun Maya, sama ada menggunakan perbankan Internet atau di kaunter bank. Sekiranya pembayar duti berpendapat taksiran yang dikeluarkan tidak tepat, permohonan semakan semula boleh dikemukakan melalui saluran yang ditetapkan.

Dalam perkembangan berkaitan, HASiL akan melaksanakan Sistem Taksir Sendiri Duti Setem (STSDS) secara berperingkat bermula pada 1 Januari 2026. Melalui sistem ini, pembayar duti diberi tanggungjawab untuk membuat taksiran dan pembayaran sendiri melalui portal MyTax tanpa perlu menunggu Notis Taksiran.

Pelaksanaan STSDS memerlukan pembayar duti memiliki Nombor Pengenalan Cukai (TIN), memuat naik surat cara yang berkaitan, melengkapkan borang permohonan, membuat bayaran dalam tempoh yang ditetapkan serta menyimpan rekod selama tujuh tahun. Pendekatan ini selari dengan amalan di beberapa negara maju dan dijangka dapat meningkatkan tahap pematuhan dalam kalangan masyarakat.

Kesimpulannya, bayaran duti setem bukan sekadar formaliti, sebaliknya satu mekanisme penting untuk melindungi hak dan kepentingan semua pihak. Bagi pelajar dan warga kampus, kefahaman terhadap tanggungjawab ini merupakan satu langkah awal ke arah pembentukan masyarakat yang lebih celik undang-undang dan bersedia menghadapi alam profesional. ▶

Artikel ini diterbitkan oleh Jabatan Khidmat Korporat, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

**PENAMATAN AKSES
STAMPS
DAN
PERALIHAN KE PORTAL
MYTAX**

PEMAKLUMAN

Akses sistem **STAMPS** akan
tamat **31 Disember 2025**
Mulai **1 Januari 2026**, semua
urusan **Duti Setem** hanya
melalui **Portal MyTax**



1. JIKA ANDA SUDAH ADA ID MYTAX

- LOG MASUK MYTAX
- PERKHIDMATAN EZHASIL > DUTI SETEM
- > E-DUTI SETEM

2. JIKA ANDA ADA TIN TETAPI BELUM AKTIFKAN ID MYTAX

- AKTIFKAN ID MYTAX DI PORTAL
- SELEPAS DILULUSKAN, AKSES E-DUTI SETEM DI PERKHIDMATAN EZHASIL
- AKTIFKAN SEBELUM 31/12/2025

3. JIKA ANDA TIADA TIN

- DAFTAR TIN MELALUI E-DAFTAR DI MYTAX
- SELEPAS DAPAT TIN, AKTIFKAN ID MYTAX

UJIAN LOG MASUK MYTAX DIBUKA MULAI 15 DISEMBER 2025

SILA BUAT PERSEDIAAN AWAL SUPAYA URUSAN PENYETEMAN BERJALAN LANCAR